

SLANGA DAN HANTARAN BAHASA MELAYU DI MEDIA SOSIAL “X” A.K.A. “TWITTER”: ANALISIS PRAGMATIK

MUHAMMAD ZAID DAUD^{1*}, MUHAMMAD HAIKAL MOHAMED SHAH REDZA²,
ALISHA SAFEA NOOR SAZALI² DAN MUHAMMAD FAIZUL ABD HAMID³

¹*Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia.* ²*Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia.* ³*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia.*

*Corresponding author: zaid.daud@usm.my

ARTICLE INFO

Article History:

Received: 7 April 2025

Revised: 23 October 2025

Accepted: 16 November 2025

Published: 15 April 2026

Keywords:

Bahasa Melayu, komunikasi digital, media sosial, slanga, pragmatik, Teori Relevans.

Malay language, digital communication, social media, slang, pragmatics, Relevance Theory.

ABSTRACT

Kajian ini meneliti penggunaan slanga dalam hantaran bahasa Melayu melalui platform media sosial X dalam kalangan mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berdasarkan Teori Relevans. Kajian ini bertujuan untuk (i) mengenal pasti persepsi mahasiswa tentang penggunaan slanga, (ii) menganalisis aspek relevans dan inferens dalam penggunaan slanga dan (iii) menilai implikasi pragmatik penggunaan slanga terhadap kefahaman dan penerimaan bahasa Melayu dalam komunikasi digital. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 89.2% responden pernah menggunakan slanga dalam hantaran mereka, manakala 47.7% bersetuju bahawa slanga menjadikan komunikasi lebih santai dan mesra. Namun begitu, sebanyak 27.7% responden menekankan bahawa slanga yang digunakan mestilah mudah difahami, manakala 23.1% mencadangkan penggunaannya hanya dalam konteks santai atau tidak formal. Dari perspektif pragmatik, penggunaan slanga dalam komunikasi digital mencerminkan keseimbangan antara usaha pemprosesan dengan kesan kognitif bagi memastikan komunikasi yang berkesan. Kajian ini mencadangkan penyelidikan lanjutan mengenai impak penggunaan slanga dalam konteks akademik dan profesional serta kajian korpus bagi mengenal pasti pola linguistik dengan lebih mendalam. Implikasi kajian ini memberikan pandangan kritikal kepada evolusi bahasa Melayu dalam era digital serta kepentingan menyesuaikan penggunaan dalam pelbagai konteks sosial dan profesional.

This study examines the use of slang in Malay language postings on the social media platform X among students of Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) through the lens of relevance theory. The study aims to (i) identify students' perceptions of slang usage, (ii) analyse relevance and inference aspects in slang usage, and (iii) evaluate the pragmatic implications of slang on comprehension and acceptance of Malay language in digital communication. Findings indicate that 89.2% of respondents have used slang in their postings, with 47.7% agreed that it fosters more relaxed and friendly interaction. However, 27.7% emphasised that slang should be easily comprehensible, while 23.1% suggested the limitation usage of slang in informal contexts only. From a pragmatic perspective, slang in digital communication reflects a balance between processing effort and cognitive effects to achieve effective communication. This study recommends further research on the impact of slang in academic and professional contexts, as well as corpus-based studies to identify linguistic patterns more comprehensively. The findings provide critical insights into the evolution of the Malay language in the digital age and highlight the necessity of adapting its usage to various social and professional contexts.

Pengenalan

Bahasa merupakan sistem komunikasi utama manusia yang berfungsi sebagai medium penyampaian makna melalui ujaran, tulisan, dan isyarat bukan lisan (Daud, 2018a, 2018b). Menurut Suradi dan Daud (2024), kedinamikan bahasa mengalami transformasi ketara, terutama dalam konteks media sosial seperti X apabila penggunaan slanga semakin berleluasa. Slanga, sebagai satu bentuk bahasa tidak formal digunakan secara meluas dalam komunikasi harian generasi muda kerana sifat yang ringkas, ekspresif, dan inklusif dalam komuniti digital (Tagliamonte, 2016). Dari perspektif pragmatik, khususnya dalam kerangka Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986), penggunaan slanga dalam hantaran bahasa Melayu di X dapat dilihat sebagai strategi komunikasi yang bertujuan memaksimumkan makna dengan usaha pemprosesan yang minimum. Pengguna X menggunakan slanga bukan sahaja untuk memudahkan komunikasi, tetapi juga untuk menyesuaikan mesej dengan konteks sosial serta meningkatkan keakraban dalam interaksi digital (Kecskes, 2014).

Walau bagaimanapun, fenomena ini turut menimbulkan persoalan tentang keutuhan bahasa Melayu, khususnya dari segi perubahan struktur, makna, dan norma kebahasaan (Asmah, 2015). Penggunaan slanga yang tidak terkawal boleh membawa kepada pergeseran norma kebahasaan dan penurunan standard bahasa Melayu dalam kalangan pengguna muda (Crystal, 2011). Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis perspektif mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) tentang penggunaan slanga dalam hantaran bahasa Melayu di X dengan meneliti aspek relevans, inferens, dan konteks komunikasi. Melalui pendekatan analisis pragmatik berdasarkan Teori Relevans, kajian ini mengkaji cara pengguna X mentafsir dan menggunakan slanga dalam komunikasi digital, serta mengenal pasti kesan pragmatik penggunaan slanga terhadap kefahaman dan penerimaan bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa. Maka, objektif kajian ini ialah:

1. Mengetahui strategi komunikasi pragmatik dalam penggunaan slanga dalam hantaran bahasa Melayu di X;
2. Menganalisis aspek relevans dan inferens dalam penggunaan slanga berdasarkan Teori Relevans dalam kalangan mahasiswa UTeM; dan,
3. Menilai implikasi pragmatik penggunaan slanga tentang kefahaman dan penerimaan bahasa Melayu dalam komunikasi digital.

Isu dan Permasalahan Kajian

Walaupun penggunaan slanga semakin meluas dalam media sosial seperti X (Twitter), fenomena ini masih tidak difahami secara mendalam dari sudut pragmatik dan kognitif. Kebanyakan kajian terdahulu hanya meneliti slanga dari aspek leksikal, perubahan makna, atau sosiolinguistik, tetapi tidak menjelaskan bagaimana dan mengapa slanga dipilih oleh penutur berdasarkan prinsip kesan kognitif, konteks, dan usaha pemprosesan makna (processing effort) seperti yang digariskan dalam Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1995). Lebih membimbangkan, slanga sering dianggap sebagai ancaman kepada keutuhan bahasa Melayu standard, tetapi tiada data empirikal yang menjelaskan sama ada generasi muda benar-benar melihat slanga sebagai merosakkan bahasa atau hanya sebagai identiti digital dan strategi komunikasi. Maka, jurang ilmiah wujud antara pandangan normatif (bahasa rosak kerana slanga) dan realiti pragmatik (slanga sebagai alat relevan untuk komunikasi pantas, ekspresif, dan kontekstual). Justeru, permasalahan kajian ini terletak pada keperluan untuk memahami slanga bukan hanya sebagai fenomena linguistik, tetapi sebagai sebuah tindakan pragmatik yang melibatkan inferens, konteks sosial, dan pemprosesan makna. Tanpa analisis ini, perbincangan tentang slanga hanya akan kekal bersifat umum dan tidak mampu menyumbang kepada dasar bahasa, pendidikan, dan literasi digital.

Sorotan Kajian Lepas

Kajian terdahulu mengenai penggunaan slanga dalam media sosial tertumpu pada aspek leksikal (Abdullah & Daud, 2020; Ritos & Daud, 2020), semantik (Subet & Daud, 2016, 2017, 2019), dan sosiobudaya (Daud *et al.*, 2024), terutamanya dalam kalangan mempengaruhi dan pencipta kandungan digital (Paijin *et al.*, 2022; Suhaimi & Shamsull, 2022). Slanga dalam media sosial berfungsi sebagai alat komunikasi kreatif yang membentuk identiti digital pengguna, namun kajian sedia ada lebih berfokus pada pengkategorian leksikal, perubahan makna, dan strategi bahasa di platform seperti Twitter dan Instagram (Fazal & Muhammad, 2022; Nopiah & Lawi, 2023). Walaupun banyak kajian meneliti struktur dan penggunaan slanga dalam komunikasi digital, aspek pragmatik, khususnya dari perspektif Teori Relevans, masih kurang diterokai, terutamanya dalam usaha memahami cara pengguna seperti mahasiswa, mentafsir dan menggunakan slanga secara strategik dalam komunikasi harian mereka di media sosial (Zulkifli & Ibrahim, 2023).

Suhaimi dan Shamsull (2022) telah mengkaji penggunaan leksikal slanga oleh beberapa orang mempengaruhi dan selebriti media sosial seperti Nursyafiq Naser, Azfar Heri, Namiesmy, Aisar Khaled, dan Luqman Podolski. Kajian mereka memberikan tumpuan kepada makna denotatif dan konotatif serta perubahan penggolongan kata. Sebanyak 50 leksikal slanga dikenal pasti, termasuk “payung”, “jambu”, “kayu”, “gila”, “bedal”, “padu”, “pau”, “galah”, “banjir”, “sakai”, “pecah lubang”, “kencang”, “angkat”, “bajet”, “bapak”, “karat”, “masak”, “pegang”, “sotong”, “mati”, “merecik”, “barai”, “sumpah”, “sentap”, “sengal”, “mampus”, “meletup”, “ayat”, “nau”, “sendu”, “tisu”, “kembang”, “berbulu”, “koyak”, “goyang”, “longkang”, “palau”, “panas”, “kerek”, “kencing”, “skema”, “potong”, “masuk”, “pecah”, “cun”, “masuk air”, “sebang”, “betik”, dan “sado”. Analisis dijalankan menggunakan kajian kepustakaan, kaedah pemerhatian, dan analisis teks berdasarkan teori penggolongan kata oleh Karim *et al.* (2015) dan konsep medan makna

oleh Ardi *et al.* (2011). Kajian mendapati bahawa media sosial menyumbang kepada penyebaran luas leksikal slanga dan telah mengubah makna asal kepada interpretasi yang lebih konotatif bergantung pada konteks penggunaannya. Sebagai contoh, “payung” kini bermaksud “belanja”, dan “koyak” membawa maksud “kecewa” atau “sedih”. Walaupun slanga ini memperkayakan variasi bahasa dan berfungsi sebagai identiti budaya generasi muda, penggunaan slanga secara meluas boleh melemahkan jati diri bahasa dan mengurangkan kemampuan bertutur dalam bahasa formal, terutamanya dalam golongan usia muda seperti kanak-kanak dan remaja. Hal ini sejajar dengan pandangan Daud (2017) yang menyatakan bahawa istilah seperti “kencing”, yang kini bermaksud “menipu”, boleh mengakibatkan kekeliruan dalam komunikasi antara generasi.

Penggunaan slanga bukan sahaja berlaku dalam konteks Malaysia, tetapi merupakan fenomena linguistik global yang mencerminkan nilai sosial, identiti budaya serta pengaruh teknologi sesebuah masyarakat. Di Amerika Syarikat, slanga seperti “lit”, “woke”, “ghosting”, dan “slay” muncul daripada komuniti Afro-Amerika dan budaya pop, sebelum tersebar melalui TikTok dan Twitter (Bahar *et al.*, 2025). Slanga ini sering berkait rapat dengan budaya hip-hop, politik identiti, dan gerakan sosial seperti BLM (Black Lives Matter). Di Jepun, slanga generasi muda seperti “yabai” (gila/cool), “uzai” (menyakitkan hati), “草” (kusa), yang berasal daripada simbol “LOL” di Internet, mencerminkan budaya ringkas, visual, dan penggunaan emoji dalam komunikasi digital (Inami, 2025). Di Korea Selatan, slanga internet seperti “ㅋㅋㅋ” (ketawa), “대박/daebak” (hebat), “갑자기 분위기 싸해짐/gabjagi bunwigi ssa-haejim” serta penggunaan akronim seperti “ㅇㅋ” (ok) atau “ㅂㅂ” (bye bye) dipengaruhi oleh budaya K-pop, drama, dan platform KakaoTalk (Yang, 2017).

Kajian Paijin (2022) melaporkan dapatan analisis kandungan terhadap penggunaan bahasa slanga di media sosial melalui akaun

Twitter "Brgsjks". Kajian ini dijalankan bagi mengetengahkan budaya berbahasa di media sosial kerana bimbang akan masalah yang akan timbul akibat penggunaan bahasa slanga yang meluas. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa slanga dapat dikategorikan kepada banyak makna dan fungsi. Sebagai contoh, penggunaan nama panggilan seperti "sis" (panggilan perempuan), "bro/brader"(panggilan lelaki), "gais" (panggilan kumpulan), "ko" (engkau), dan "wei" (panggilan kawan rapat). Jika diperhatikan, kebanyakan perkataan ini juga ialah perkataan Inggeris yang diubah suai kepada ejaan bahasa Melayu. Antara contoh perkataan lain yang diubah suai termasuklah perkataan "hepi" (happy) dan "kapel" (couple). Selain nama panggilan, bahasa slanga juga digunakan dalam gaya yang tidak sopan untuk meluahkan rasa tidak puas hati seperti "harey", "cibai", "bodo", "dafuk", "bangang", "pundek", dan lain-lain lagi. Seterusnya, bahasa slanga yang digunakan juga dilihat menukar maksud perkataan asal serta digunakan dalam konteks yang berlainan seperti penggunaan slanga "koyak" yang membawa maksud tersinggung, "jem" yang membawa maksud buntu, dan "kelaut" yang membawa maksud tidak menjadi. Penggunaan bahasa slanga tidak salah, namun penutur perlulah mengetahui konteks yang bersesuaian apabila menggunakan slanga tersebut. Secara jelasnya, bahasa slanga hanya sesuai digunakan dalam konteks tidak formal. Kebimbangan tentang penggunaan bahasa slanga yang meluas di media sosial, terutamanya dalam golongan belia telah disuarakan kerana golongan ini ialah golongan yang banyak menggunakan media sosial bukan sahaja X malah Instagram, WhatsApp, WeChat, dan sebagainya. Secara ringkas, penggunaan bahasa slanga dapat menjejaskan kefahaman masyarakat dalam usaha menguasai bahasa Melayu, mempengaruhi gaya penulisan yang salah, dan menjejaskan kemahiran bahasa dalam kalangan kanak-kanak atau remaja, sehingga menganggap bahasa slanga ini ialah penggunaan bahasa yang betul.

Nopiah dan Lawi (2023) melakukan analisis tentang penggunaan bahasa slanga

di media sosial. Kajian mereka bertujuan untuk menentukan frasa atau leksikal slanga yang sering digunakan di media sosial serta melakukan analisis leksikal bahasa slanga tersebut berdasarkan semantik inkuisitif. Menurut Daud (2017), semantik inkuisitif dapat menjelaskan pemikiran penulis dan pembaca di sebalik penggunaan bahasa slanga secara menyeluruh di media sosial. Kaedah kajian secara kualitatif menggunakan soal selidik dan pemerhatian di media sosial seperti Facebook dan X telah digunakan. Kajian tersebut juga membandingkan analisis bahasa slanga melalui semantik skrip dan semantik resonans dengan semantik inkuisitif kerana kaedah-kaedah tersebut tidak dapat merungkai penggunaan bahasa slanga secara mendalam. Dapatan kajian mendapati bahawa sebahagian bahasa slanga yang digunakan mempunyai maksud yang berbeza mengikut situasi dan konteks. Kajian ini telah menghuraikan tiga tahap perkataan-perkataan yang kerap digunakan di media sosial Facebook dan X, iaitu tahap semantik skrip, semantik resonans, dan semantik inkuisitif. Sebagai contoh, perkataan "bersemut", pada tahap semantik skrip menjelaskan maksud perkataan, iaitu "semut" yang didefinisikan sebagai serangga yang mempunyai pelbagai jenis. Semantik resonans pula melibatkan konteks penggunaan perkataan "bersemut", iaitu membawa maksud sesuatu situasi yang menggambarkan kemanisan dan kebahagiaan. Seterusnya, semantik inkuisitif menerangkan cara perkataan "bersemut" tersebut boleh dikaitkan dengan gambaran sesuatu yang manis dan indah. Kajian Nopiah dan Lawi (2023) mendapati bahawa semut sering dikaitkan dengan sesuatu yang manis kerana serangga ini biasanya muncul apabila terdapat manisan. Oleh sebab itu, masyarakat kita secara sedar atau tidak sedar telah menggunakan perkataan bersemut kerana perkaitan tersebut. Kesimpulannya, bahasa slanga ialah bahasa yang ringkas untuk meluahkan perasaan dan pendapat pengguna media sosial.

Fazal dan Syafreza (2022) telah menganalisis penggunaan bahasa slanga di media sosial serta hubungan dengan perubahan dalam kedinamikan

sosial dan linguistik yang merupakan isu penting dalam era komunikasi digital. Hasil kajian ini mengkategorikan penggunaan bahasa slanga kepada pelbagai fungsi dan makna. Kajian ini bertujuan mengkaji ayat slanga berlapis yang digunakan oleh individu yang menggunakan aplikasi media sosial seperti WhatsApp dan Instagram. Subjek penting dalam kajian ini ialah perkataan selapis slanga di media sosial dalam kerangka minimalis. Sebagai contoh, nama panggilan seperti “aku”, “hang”, dan “depa” sering digunakan untuk menunjukkan hubungan sosial, manakala kata-kata seperti “pishang” (bosan), “hensem” (handsome), dan “kondem” (condemn) yang bermaksud mengecam serta “tokey” yang bermaksud “boss” menunjukkan kesan langsung daripada bahasa asing. Seterusnya, bahasa slanga yang digunakan juga dilihat menukarkan maksud perkataan asal serta digunakan dalam konteks yang berlainan seperti penggunaan slanga “koyak” yang bermaksud tersinggung dan “kelaut” yang bermaksud tidak menjadi. Walaupun bahasa slanga dianggap sebagai bahasa yang sentiasa berubah, slanga juga akan hilang apabila orang tidak menggunakannya. Kajian yang dilakukan oleh Fazal dan Syafreza (2022) menunjukkan bahawa penggunaan bahasa slanga dianggap sebagai trend dalam kalangan remaja moden. Walaupun fenomena ini berpotensi menjejaskan kemandirian bahasa ibunda dan menyebabkan salah faham, slanga juga memberikan nilai positif seperti meningkatkan interaksi sosial serta merangsang kreativiti berbahasa.

Kajian Munirah (2023) membincangkan penggunaan slanga dalam kalangan pencipta kandungan di media sosial. Slanga telah menjadi semakin popular dalam platform digital disebabkan oleh sifat yang ekspresif dan menarik perhatian penonton. Media sosial seperti X, TikTok, Instagram, YouTube, Discord, dan Facebook telah menjadi ruang bagi para pencipta kandungan untuk menggunakan dan menyebarkan slanga di media sosial pada masa ini. Kajian Munirah (2023) bertujuan melihat jika slanga dapat menarik perhatian penonton. Seterusnya, kajian tersebut turut mengenal pasti jenis-jenis slanga yang digunakan serta

sebab-sebab penggunaannya. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa banyak pencipta kandungan menggunakan singkatan seperti BRB (be right back) dan TBH (to be honest) dan *vibes* untuk mewujudkan suasana santai yang dapat menarik perhatian pengikut mereka di media sosial. Slanga juga berperanan sebagai strategi untuk mendekati diri dengan audiens, khususnya golongan remaja, di samping membantu penghasilan kandungan yang lebih kreatif dan menarik. Walau bagaimanapun, kajian ini turut mendapati bahawa penggunaan slanga sering menimbulkan kesukaran bagi generasi tua kerana mesej yang disampaikan kurang jelas. Sebagai contoh, perkataan “ngam” yang bermaksud muat atau sesuai agak sukar difahami oleh generasi yang lebih tua yang tidak biasa menggunakan bahasa slanga dan mungkin menyebabkan generasi lebih tua tidak mengetahui maksud sebenar yang ingin disampaikan. Penggunaan bahasa slanga juga akan menjejaskan kemahiran menulis dalam kalangan murid. Tuntasnya, bahasa slanga merupakan bahasa yang boleh berubah-ubah mengikut perkembangan zaman dan teknologi. Meskipun bahasa slanga menyeronokkan dan mudah dipakai, penggunaan bahasa slanga dan bahasa formal perlu diseimbangkan agar keindahan bahasa terjaga. Kajian ini juga mencadangkan penyelidikan lanjutan mengenai impak bahasa slanga terhadap proses pembelajaran dan interaksi antara generasi.

Dapatan kajian terdahulu membuktikan bahawa slanga bukan sahaja mempengaruhi struktur bahasa Melayu di media sosial, tetapi juga menjadi alat komunikasi yang penting dalam kalangan pengguna digital. Namun begitu, jurang kajian masih wujud dalam usaha memahami mekanisme pragmatik di sebalik penggunaan slanga, termasuk cara pengguna memproses makna secara inferensial untuk mencapai komunikasi yang lebih efektif. Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan menganalisis pandangan mahasiswa tentang penggunaan slanga dalam hantaran bahasa Melayu di media sosial X dan memahami kesan pragmatik fenomena ini terhadap norma dan kefahaman bahasa Melayu dalam era digital.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan silang-rintas (cross-sectional survey design). Pemilihan reka bentuk ini bertujuan mendapatkan gambaran menyeluruh tentang penggunaan slanga dalam kalangan mahasiswa pada satu titik masa tertentu (Creswell, 2014). Reka bentuk ini juga membolehkan perbandingan dibuat antara kumpulan responden yang berbeza latar demografi bagi melihat pola dan kecenderungan penggunaan bahasa slanga dalam konteks komunikasi digital. Kajian ini tidak menjalankan analisis kebolehpercayaan seperti Cronbach's alpha kerana instrumen soal selidik lebih bersifat deskriptif dan tidak bertujuan untuk mengukur konstruk psikometrik yang memerlukan konsistensi dalaman. Selain itu, item-item dalam Bahagian A dan B adalah berbentuk soalan dikotomi dan pilihan tunggal yang tidak sesuai untuk analisis alpha. Namun begitu, bagi memastikan kesahan kandungan (content validity), soal selidik ini telah disemak oleh dua orang pakar dalam bidang pragmatik dan linguistik untuk memastikan kesesuaian bahasa, ketepatan item, dan keseajarannya dengan objektif kajian. Proses semakan ini memastikan instrumen mempunyai kesahan isi dan boleh digunakan untuk pengumpulan data.

Populasi dan Pemilihan Sampel

Populasi kajian terdiri daripada mahasiswa di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang aktif menggunakan media sosial. UTeM dipilih kerana mempunyai populasi mahasiswa yang pelbagai dari segi fakulti, jurusan, umur, dan latar belakang, sekali gus memberikan gambaran yang lebih komprehensif mengenai variasi penggunaan slanga.

- Saiz sampel: Seramai 650 orang responden telah dipilih.
- Kaedah pensampelan: Pensampelan mudah (convenience sampling) digunakan kerana pendedaran borang soal selidik secara

atas talian kepada responden melalui platform media sosial memudahkan proses (Etikan *et al.*, 2016). Walaupun kaedah ini mempunyai keterbatasan dari segi wakil, kaedah ini sesuai digunakan kerana objektif kajian adalah untuk meneroka pola umum penggunaan slanga.

- Kriteria inklusif: Mahasiswa yang sedang mengikuti pengajian di UTeM, berumur antara 18 hingga 30 tahun, dan aktif menggunakan media sosial (sekurang-kurangnya satu platform seperti X, Instagram atau WhatsApp).
- Kriteria eksklusif: Mahasiswa antarabangsa yang tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai medium utama komunikasi harian.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini ialah soal selidik atas talian yang direka menggunakan Google Forms. Soal selidik ini dibangunkan berasaskan prinsip Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1995), khususnya bagi mengukur aspek inferens, pemprosesan makna, dan kesan kognitif dalam komunikasi digital.

Soal selidik ini terbahagi kepada empat bahagian utama:

1. Bahagian A – Maklumat Demografi
 - Mengandungi soalan tentang jantina, umur, fakulti, dan tahap pengajian.
 - Tujuan: Mengenal pasti pola penggunaan slanga berdasarkan faktor demografi.
2. Bahagian B – Tahap Penggunaan Slanga
 - Soalan berbentuk biner (ya/tidak) mengenai kekerapan penggunaan slanga dalam hantaran di media sosial.
 - Contoh: "Adakah anda pernah menggunakan singkatan seperti BRB atau TBH dalam hantaran anda?"

3. Bahagian C – Analisis Pragmatik

- Soalan menggunakan skala Likert lima mata (1 = Sangat tidak setuju hingga 5 = Sangat setuju).
- Mengukur aspek pragmatik seperti usaha pemprosesan (processing effort), kesan kognitif (cognitive effects), dan tahap kefahaman mesej.

4. Bahagian D – Cadangan Penggunaan Slanga

- Soalan aneka pilihan (multiple choice question) untuk mengenal pasti pandangan mahasiswa tentang cara mengurus penggunaan slanga agar seimbang antara kreativiti bahasa dengan norma bahasa Melayu standard.

Kaedah Pengumpulan Data

Data dikumpulkan melalui borang soal selidik atas talian yang diedarkan kepada mahasiswa menggunakan pautan Google Forms. Pengedaran borang soalan selidik dilakukan melalui saluran komunikasi rasmi mahasiswa, seperti grup WhatsApp fakulti dan media sosial. Kaedah ini dipilih kerana:

- Berkos efektif dan menjimatkan masa.
- Membolehkan capaian responden dalam jumlah yang besar.
- Sesuai dengan konteks kajian yang meneliti penggunaan media sosial.

Responden diberikan tempoh dua minggu untuk melengkapkan soal selidik. Hanya data yang lengkap sahaja digunakan dalam analisis kajian.

Kaedah Analisis Data

Data yang dikumpulkan melalui borang soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Analisis ini tertumpu pada:

- Kekerapan (N) dan peratusan (%) untuk menggambarkan taburan demografi responden (fakulti, jantina, dan umur) serta tahap penggunaan slanga dalam hantaran bahasa Melayu di media sosial.

- Pola jawapan soal selidik dalam setiap bahagian digunakan untuk mengenal pasti kecenderungan mahasiswa tentang fungsi pragmatik slang, sama ada fungsi penggunaan slang menjimatkan usaha pemprosesan (processing effort) atau menghasilkan kesan kognitif (cognitive effects) yang lebih tinggi.

Kajian ini tidak melibatkan analisis inferens, sebaliknya berfokus pada analisis deskriptif yang dapat memberikan gambaran umum tentang fenomena penggunaan slang dalam kalangan mahasiswa.

Kerangka Teori

Kajian ini menggunakan Teori Relevans yang diilhamkan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995). Teori ini menjelaskan bahawa manusia sentiasa mencari keseimbangan antara usaha pemprosesan makna dengan kesan kognitif yang diperoleh dalam komunikasi. Dalam konteks kajian ini, teori ini diaplikasikan untuk memahami:

- Cara mahasiswa mentafsir penggunaan slang berdasarkan konteks komunikasi digital; dan,
- Sama ada penggunaan slang memberikan kesan kognitif yang tinggi (makna jelas, mesej lebih menarik) atau menambah usaha pemprosesan (sukar difahami, terutama oleh generasi lebih tua).

Analisis dan Perbincangan

Latar Belakang Responden

Untuk mengkaji pandangan mahasiswa UTeM tentang penggunaan slang dalam hantaran bahasa Melayu di X, seramai 650 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Huraian tentang latar belakang demografi responden yang merangkumi jantina, umur, fakulti, tahun pengajian, dan bangsa dipersembahkan dalam Jadual 1. Jadual 1 di bawah menunjukkan latar belakang demografi responden.

Jadual 1: Latar belakang demografi responden

| Item | Kategori | Kekerapan (N) | Peratus (%) |
|-----------------|--------------------|---------------|-------------|
| Jantina | Lelaki | 340 | 52.3 |
| | Perempuan | 310 | 47.7 |
| Umur | 18 hingga 20 | 200 | 30.8 |
| | 21 hingga 23 | 430 | 66.2 |
| | 24 hingga 26 | 20 | 2 |
| | 27 ke atas | 0 | 0 |
| Bangsa | Melayu | 340 | 52.3 |
| | Cina | 90 | 13.8 |
| | India | 80 | 12.3 |
| | Bumiputera Sabah | 80 | 12.3 |
| | Bumiputera Sarawak | 60 | 9.2 |
| | Lain-lain | 0 | 0 |
| Tahun pengajian | Tahun 1 | 390 | 60 |
| | Tahun 2 | 180 | 27.7 |
| | Tahun 3 | 70 | 10.8 |
| | Tahun 4 | 10 | 1.5 |
| Fakulti | FTMK | 270 | 41.5 |
| | FTKEK | 140 | 21.5 |
| | FTKM | 100 | 15.4 |
| | FPTT | 70 | 10.8 |
| | FTKIP | 70 | 10.8 |
| | FTKE | 0 | 0 |

Dapatan latar belakang demografi menunjukkan bahawa daripada 650 orang responden, 340 (52.3%) orang ialah lelaki dan 310 (47.7%) orang ialah perempuan. Dari segi umur, majoriti responden, iaitu 430 (66.2%) orang responden terdiri daripada lingkungan umur antara 21 hingga 23 tahun, diikuti oleh 200 (30.8%) orang responden berumur antara 18 hingga 20 tahun, dan hanya 20 (2.0%) orang responden berada dalam kategori umur antara 24 hingga 26 tahun. Tiada responden berumur 27 tahun ke atas. Berdasarkan latar belakang bangsa, kebanyakan responden terdiri daripada bangsa Melayu, iaitu 240 (52.3%) orang responden, diikuti oleh Cina, iaitu 90 (13.8%) orang responden, 80 (12.3%) orang responden terdiri daripada bangsa India, 80 (12.3%) responden terdiri daripada Bumiputera

Sabah, dan 60 (9.2%) orang responden terdiri daripada Bumiputera Sarawak. Tiada responden daripada kategori lain-lain. Dari aspek tahun pengajian, kebanyakan responden merupakan pelajar tahun 1, iaitu sebanyak 390 (60.0%) orang responden, diikuti oleh tahun 2, iaitu 180 (27.7%) orang responden. Seramai 70 (10.8%) orang responden terdiri daripada tahun 3 dan 10 (1.5%) orang responden terdiri daripada tahun 4. Dari segi fakulti, bilangan responden tertinggi adalah dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), iaitu sebanyak 270 (41.5%) orang responden, diikuti oleh Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Komputer (FTKEK), iaitu sebanyak 140 (21.5%) orang responden. Sebanyak 100 (15.4%) orang responden terdiri dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (FTKM), 70 (10.8%)

orang responden terdiri dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT), dan sebanyak 70 (10.8%) orang responden terdiri dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Industri dan Pembuatan (FTKIP). Tiada responden dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik (FTKE).

Objektif Kajian 1: Mengenal Pasti Strategi Komunikasi Pragmatik Melalui Penggunaan Slanga dalam Hantaran Bahasa Melayu di X

Objektif pertama kajian ini bertujuan mengenal pasti strategi komunikasi pragmatik melalui penggunaan slang dalam hantaran bahasa Melayu di X. Bagi mencapai objektif ini, borang soal selidik atas talian yang menggunakan perisian Google Forms telah diedarkan kepada 650 orang responden. Jadual 2 menunjukkan pandangan mahasiswa UTeM tentang penggunaan slang dalam hantaran bahasa Melayu di X.

Jadual 2: Strategi komunikasi pragmatik melalui penggunaan slang dalam hantaran bahasa Melayu di X

| Soalan | Kategori | Kekerapan (N) | Peratus (%) |
|---|----------|---------------|-------------|
| Adakah anda pernah menggunakan slang dalam hantaran di X? | Ya | 580 | 89.2 |
| | Tidak | 70 | 10.8 |
| Adakah penggunaan slang mengganggu pemahaman anda dalam usaha memahami hantaran di X? | Ya | 380 | 58.5 |
| | Tidak | 270 | 41.5 |
| Adakah penggunaan slang lebih popular di X berbanding dengan kehidupan sebenar? | Ya | 480 | 73.8 |
| | Tidak | 170 | 26.2 |
| Adakah penggunaan slang dalam hantaran di X merosakkan keindahan bahasa Melayu? | Ya | 440 | 67.7 |
| | Tidak | 210 | 32.3 |
| Adakah penggunaan slang boleh menyebabkan salah faham dalam komunikasi di X? | Ya | 460 | 70.8 |
| | Tidak | 190 | 29.2 |

Dalam konteks ini, justifikasi merujuk kepada proses memberikan alasan atau bukti untuk menyokong kepercayaan atau tuntutan. Soalan pertama dalam soal selidik ini ialah, “Adakah anda pernah menggunakan slang dalam hantaran di X?”. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu 580 (89.2%) orang responden mengaku pernah menggunakan slang dalam hantaran di X, sementara 70 (10.8%) orang responden menyatakan bahawa mereka tidak pernah menggunakan slang dalam hantaran di X. Dapatan ini mempunyai kaitan dengan kajian Arshad (2000) yang mendapati bahawa terdapat banyak tujuan penggunaan slang dalam kehidupan seharian. Antara penggunaan slang dalam kehidupan seharian termasuklah untuk mewujudkan suasana humor, menonjolkan diri

sebagai perintis, mengelakkan ungkapan yang terlalu biasa atau “klise”, hiburan, memendekkan mesej tanpa makna yang kompleks, menarik perhatian serta menyembunyikan sesuatu supaya orang lain tidak memahaminya. Selain itu, terdapat pelbagai tujuan lain yang menjadikan slang sebahagian daripada komunikasi harian. Keadaan ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa slang dalam hantaran di media sosial X merupakan perkara yang menjadi rutin dalam kalangan mahasiswa. Keadaan ini mungkin berlaku kerana ekspresi dan emosi mereka boleh disampaikan dengan mudah. Sebagai contoh, perkataan “skema” sering digunakan dalam kalangan mahasiswa untuk merujuk seseorang yang terlalu mengikut peraturan atau terlalu serius dalam pelajaran. Dari sudut pragmatik, penggunaan perkataan ini berfungsi sebagai

isyarat sosial untuk menyampaikan pandangan secara tidak langsung tanpa perlu menyatakan kritikan secara terus terang.

Bagi soalan kedua, iaitu "Adakah penggunaan slanga mengganggu pemahaman anda dalam usaha memahami hantaran di X?", sebanyak 380 (58.5%) orang responden bersetuju bahawa penggunaan slanga mengganggu pemahaman mereka, manakala 270 (41.5%) orang responden tidak bersetuju dengan soalan tersebut. Berdasarkan kajian Radzi (2018), pemahaman seseorang tentang sesuatu perkara sebenarnya berkait rapat dengan proses kognitif dan latar belakang sosial mereka. Mahasiswa yang tidak kerap menggunakan media sosial X akan kurang memahami slanga dalam hantaran berbanding dengan mahasiswa yang selalu berinteraksi di media sosial X. Menurut Suhaimi dan Shamsull (2022), terdapat leksikal-leksikal slanga yang telah berubah makna dan perkara ini boleh menimbulkan kekeliruan bagi seseorang yang tidak memahami konteks penggunaannya. Sehubungan dengan itu, slanga boleh menjejaskan kefahaman sesetengah pengguna media sosial X. Oleh hal yang demikian, tahap pemahaman slanga boleh dipengaruhi oleh konteks dan pengalaman pengguna. Sebagai contoh, perkataan "*ngam*" dalam dialek tertentu bermaksud "*sesuai*", tetapi bagi pengguna yang tidak biasa dengan istilah ini, mereka mungkin perlu berusaha untuk memahami maksud sebenar. Dari perspektif Teori Relevans, keadaan ini menunjukkan bahawa pemrosesan kognitif tentang slanga memerlukan usaha tambahan bagi seseorang yang kurang biasa dengan istilah tertentu, berbanding dengan seseorang yang sudah biasa menggunakannya.

Bagi soalan ketiga, iaitu "Adakah penggunaan slanga lebih popular di X berbanding dengan kehidupan sebenar?", sebanyak 480 (73.8%) orang responden mempercayai bahawa penggunaan slanga lebih popular di media sosial seperti X berbanding dengan kehidupan sebenar, manakala 170 (26.2%) orang responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kecenderungan pengguna platform media sosial untuk

menggunakan bahasa santai yang tidak formal, termasuk slanga sebagai cara pantas dan kreatif untuk mengekspresikan diri. Dalam konteks ini, slanga bukan sahaja berfungsi sebagai medium komunikasi, tetapi juga menjadi simbol identiti dalam kalangan komuniti tertentu. Penggunaan slanga di media sosial lebih popular berbanding dengan percakapan harian kerana sifat media sosial yang santai membolehkan pengguna menjadi lebih bebas dan kreatif. Sebagai contoh, penggunaan frasa seperti "OTW" (on the way) atau "GG" (good game) lebih mudah digunakan dalam teks berbanding dengan perbualan lisan. Dari perspektif pragmatik, penggunaan slanga ini bukan sahaja menjimatkan masa semasa menaip, tetapi juga berfungsi sebagai tanda keahlian dalam komuniti tertentu yang memahami kod bahasa tersebut.

Bagi soalan keempat, iaitu "Adakah penggunaan slanga dalam hantaran di X merosakkan keindahan bahasa Melayu?", sebanyak 440 (67.7%) orang responden bersetuju bahawa penggunaan slanga merosakkan keindahan bahasa Melayu, manakala 210 (32.3%) orang responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Isu ini sering menjadi topik perbincangan dalam kajian akademik dan laporan media, terutamanya dalam era modenisasi yang menyaksikan perubahan pesat penggunaan bahasa dalam kehidupan harian.

Bagi soalan terakhir, iaitu "Adakah penggunaan slanga boleh menyebabkan salah faham dalam komunikasi di X?", sebanyak 460 (70.8%) orang responden menyatakan bahawa penggunaan slanga menyebabkan salah faham dalam komunikasi di X, manakala 190 (29.2%) orang responden menyatakan sebaliknya. Selaras dengan pandangan Daud (2017), penggunaan slanga boleh menyebabkan kekeliruan dalam usaha menyampaikan makna daripada pengucap kepada pendengar. Sebagai contoh, perkataan "kencing" digunakan untuk merujuk tindakan menipu walaupun makna asalnya merujuk perbuatan membuang air kecil. Dengan mengaitkan pandangan mahasiswa UTeM tentang penggunaan slanga dalam hantaran bahasa Melayu di X, kajian ini dapat memahami

pengalaman dan perspektif mahasiswa secara lebih komprehensif. Leksikal “bocor” dalam bahasa Melayu standard bermaksud sesuatu yang berlubang atau mengalami kebocoran, tetapi dalam konteks slanga, leksikal ini boleh membawa maksud “terbongkar” atau “terdedah kepada umum”. Perbezaan makna ini boleh menyebabkan kekeliruan kepada seseorang yang tidak biasa dengan konteks penggunaannya. Dalam Teori Relevans, perbezaan makna ini boleh meningkatkan beban pemprosesan kognitif kerana penerima perlu menghubungkan makna yang berbeza dengan konteks tertentu bagi memahami mesej dengan tepat.

Berdasarkan analisis pragmatik dan Teori Relevans, penggunaan slanga dalam hantaran bahasa Melayu di X ialah satu strategi komunikasi yang bergantung pada konteks sosial dan tahap pemahaman penerima. Slanga digunakan sebagai alat untuk memudahkan komunikasi, mengekspresikan identiti sosial, dan menjalinkan hubungan yang lebih akrab dalam kalangan pengguna media sosial. Dapatan kajian ini selari dengan penemuan Zulkifli dan Ibrahim (2023) yang mendapati bahawa bahasa slanga dalam media sosial berfungsi sebagai strategi identiti sosial dan pemudahan kognitif dalam komunikasi digital generasi muda. Namun begitu, penggunaan

slanga juga boleh menimbulkan salah faham dan mengganggu pemahaman sekiranya penerima tidak mempunyai latar belakang linguistik yang mencukupi. Oleh sebab itu, strategi komunikasi pragmatik dalam penggunaan slanga bergantung pada keseimbangan antara kejelasan dengan kemudahan dalam pemprosesan maklumat oleh penerima. Usaha seperti meningkatkan kesedaran linguistik dalam kalangan mahasiswa, menyediakan garis panduan penggunaan bahasa dalam media sosial, dan mempromosikan kepelbagaian bahasa tanpa menjejaskan kefahaman boleh membantu memastikan penggunaan slanga yang lebih efektif dan bertanggungjawab di platform digital.

Objektif Kajian 2: Menganalisis Aspek Relevans dan Inferens dalam Penggunaan Slanga Berdasarkan Teori Relevans dalam Kalangan Mahasiswa UTeM

Objektif kedua kajian ini bertujuan menganalisis aspek relevans dan inferens penggunaan slanga berdasarkan Teori Relevans. Bagi mencapai objektif ini, borang soal selidik atas talian menggunakan perisian Google Forms telah diedarkan kepada 650 orang responden. Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian bagi aspek relevans dan inferens penggunaan slanga berdasarkan Teori Relevans dalam kalangan mahasiswa UTeM.

Jadual 3: Aspek relevans dan inferens penggunaan slanga berdasarkan Teori Relevans dalam kalangan mahasiswa UTeM

| Soalan | Kategori | Kekerapan (N) | Peratus (%) |
|---|---------------------|---------------|-------------|
| Saya rasa penggunaan slanga dalam hantaran di X menjadikan komunikasi lebih santai dan mesra. | Sangat tidak setuju | 30 | 4.6 |
| | Tidak setuju | 10 | 1.5 |
| | Neutral | 70 | 10.8 |
| | Setuju | 310 | 47.7 |
| | Sangat setuju | 230 | 35.4 |
| Saya lebih gemar membaca hantaran bahasa Melayu di X yang menggunakan bahasa slanga berbanding dengan bahasa Melayu formal. | Sangat tidak setuju | 20 | 3.1 |
| | Tidak setuju | 90 | 13.8 |
| | Neutral | 230 | 35.4 |
| | Setuju | 230 | 35.4 |
| | Sangat setuju | 80 | 12.3 |

| | | | |
|--|---------------------|-----|------|
| Saya rasa penggunaan slanga di X ialah pengaruh daripada budaya luar. | Sangat tidak setuju | 100 | 15.4 |
| | Tidak setuju | 90 | 13.8 |
| | Neutral | 250 | 38.5 |
| | Setuju | 190 | 29.2 |
| | Sangat setuju | 20 | 3.1 |
| Slanga dalam hantaran di X membantu saya mengekspresikan diri dengan lebih baik. | Sangat tidak setuju | 20 | 3.1 |
| | Tidak setuju | 30 | 4.6 |
| | Neutral | 70 | 10.8 |
| | Setuju | 290 | 44.6 |
| | Sangat setuju | 240 | 36.9 |
| Saya rasa penggunaan slanga dalam hantaran bahasa Melayu di X wajar untuk platform tidak formal. | Sangat tidak setuju | 30 | 4.6 |
| | Tidak setuju | 20 | 3.1 |
| | Neutral | 110 | 16.9 |
| | Setuju | 290 | 44.6 |
| | Sangat setuju | 200 | 30.8 |

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu 310 (47.7%) orang responden bersetuju bahawa penggunaan slanga menjadikan komunikasi di X lebih santai dan mesra. Dalam konteks Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986), kesan ini dapat dijelaskan melalui konsep usaha pemprosesan (processing effort) dan kesan kognitif (cognitive effects). Mahasiswa yang sering berkomunikasi dalam persekitaran tidak formal di media sosial cenderung memilih bentuk bahasa yang meminimumkan usaha pemprosesan seperti slanga kerana lebih mudah difahami dan selari dengan jangkaan mereka. Sebagai contoh, leksikal seperti “chill”, “best gila”, dan “ngam” digunakan untuk mengekspresikan perasaan dengan lebih pantas berbanding dengan ungkapan bahasa baku. Keadaan ini menunjukkan bahawa pemilihan slanga dalam komunikasi bukan sekadar pilihan gaya, tetapi juga satu strategi pragmatik yang membolehkan komunikasi menjadi lebih efisien dan bermakna dalam konteks sosial tertentu.

Selain itu, dapatan kajian mendapati bahawa 230 (35.4%) orang lebih gemar membaca hantaran yang menggunakan bahasa slanga berbanding dengan bahasa Melayu formal. Dari perspektif inferens dalam Teori Relevans,

fenomena ini dapat dikaitkan dengan keupayaan pembaca untuk memahami makna yang tersirat di sebalik penggunaan slanga tanpa memerlukan pemprosesan yang kompleks. Sebagai contoh, slanga seperti “flex” (menunjukkan sesuatu dengan bangganya) atau “squad” (ahli kumpulan) membawa makna tersirat yang difahami dengan mudahnya oleh seseorang yang biasa dengan konteks penggunaannya. Keadaan ini menunjukkan bahawa inferens pragmatik memainkan peranan dalam usaha memastikan mesej dalam bentuk slanga dapat difahami dengan lebih cepat dan berkesan dalam kalangan komuniti pengguna media sosial.

Di samping itu, sebanyak 250 (38.5%) orang responden bersikap neutral tentang pengaruh budaya luar dalam penggunaan slanga, sementara 19 (29.2%) orang responden bersetuju bahawa bahasa slanga sering dipengaruhi oleh perkataan daripada bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris. Kata singkatan seperti “OTW” (on the way) dan “BTW” (by the way) adalah antara contoh unsur leksikal asing diadaptasi dalam komunikasi harian mahasiswa di media sosial. Dari perspektif pragmatik, penggunaan unsur asing ini dapat dikaitkan dengan prinsip relevans, iaitu penutur memilih bentuk komunikasi yang paling ekonomik dari

segi usaha pemrosesan tetapi masih mampu menghasilkan kesan kognitif yang optimum. Dalam hal ini, slanga berasaskan bahasa asing bukan sahaja memudahkan komunikasi tetapi juga menandakan keahlian dalam kumpulan sosial tertentu yang menggunakan istilah-istilah tersebut. Penggunaan slanga yang meminimumkan usaha pemrosesan (processing effort) tetapi menghasilkan kesan kognitif segera turut disokong oleh Nwamham *et al.* (2023) yang mengaplikasikan Teori Relevans dalam komunikasi berasaskan media sosial

Dari aspek ekspresi diri, seramai 290 (44.6%) orang responden bersetuju bahawa penggunaan slanga membantu mereka mengekspresikan diri dengan lebih baik dalam hantaran di X. Keadaan ini sejajar dengan pandangan Arshad (2000) yang menyatakan bahawa slanga berfungsi sebagai alat untuk menonjolkan identiti dan mencipta suasana jenaka yang menarik perhatian. Sebagai contoh, leksikal seperti “saka” (merujuk seseorang yang hebat dalam sesuatu bidang) dan “padu” (menunjukkan sesuatu yang luar biasa) sering digunakan untuk meningkatkan daya tarikan mesej yang disampaikan. Dalam konteks relevans, slanga sebegini memberikan kesan kognitif yang lebih tinggi kerana slanga bukan sahaja mengandungi makna literal tetapi juga makna konotatif yang mencerminkan budaya penggunaannya.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu 290 (44.6%) orang bersetuju bahawa penggunaan slanga di X wajar untuk platform yang bersifat tidak formal. Keadaan ini menunjukkan bahawa bentuk bahasa yang lebih fleksibel dan santai lebih relevan dengan keperluan komunikasi pengguna. Mahasiswa cenderung menggunakan slanga kerana bahasa ini lebih dekat dengan gaya komunikasi mereka dalam kehidupan seharian, sekali gus mengurangkan jarak sosial antara penulis dengan pembaca. Dari perspektif Teori Relevans, fenomena ini menunjukkan bahawa penggunaan slanga membantu mengoptimalkan proses komunikasi dengan

mengurangkan beban pemrosesan tanpa mengorbankan keberkesanan penyampaian mesej. Oleh sebab itu, penggunaan slanga dalam hantaran di X bukan sekadar variasi bahasa, tetapi satu mekanisme pragmatik yang berfungsi untuk meningkatkan kecekapan komunikasi dalam kalangan mahasiswa UTeM.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan slanga dalam kalangan mahasiswa UTeM di X bukan sahaja diterima secara meluas tetapi juga memainkan peranan penting dalam usaha memudahkan komunikasi. Dari sudut Teori Relevans, slanga digunakan kerana bahasa ini mengurangkan usaha pemrosesan dan mengekalkan atau meningkatkan kesan kognitif. Hasil kajian menunjukkan bahawa mahasiswa lebih cenderung memilih slanga dalam komunikasi kerana bahasa ini lebih santai, mesra, dan relevan dengan konteks sosial mereka. Selain itu, penggunaan slanga juga membantu mereka mengekspresikan diri dengan lebih baik dan mencerminkan identiti budaya serta keahlian dalam komuniti tertentu. Walaupun terdapat pengaruh bahasa asing dalam pembentukan slanga, elemen ini tidak menghalang kefahaman kerana inferens pragmatik membolehkan penutur dan pendengar menyesuaikan makna mengikut konteks. Secara keseluruhan, kajian ini mengesahkan bahawa penggunaan slanga dalam kalangan mahasiswa di media sosial bukan sekadar fenomena linguistik, tetapi juga satu strategi komunikasi yang sejajar dengan prinsip relevans dalam teori pragmatik.

Objektif Kajian 3: Menilai Implikasi Pragmatik Penggunaan Slanga terhadap Kefahaman dan Penerimaan Bahasa Melayu dalam Komunikasi Digital

Objektif kajian 3 bertujuan menilai implikasi pragmatik penggunaan slanga tentang kefahaman dan penerimaan bahasa Melayu dalam komunikasi digital. Jadual 4 menunjukkan cara untuk menilai implikasi pragmatik penggunaan slanga terhadap kefahaman dan penerimaan bahasa Melayu dalam komunikasi digital.

Jadual 4: Menilai implikasi pragmatik penggunaan slanga terhadap kefahaman dan penerimaan bahasa Melayu dalam komunikasi digital

| Soalan | Cadangan | Kekerapan (N) | Peratus (%) |
|---|---|---------------|-------------|
| Apakah pandangan anda secara keseluruhan mengenai cadangan untuk menangani kesan penggunaan slanga dalam hantaran bahasa Melayu di X? | Menggunakan slanga yang mudah difahami semasa membuat hantaran di X untuk memastikan mesej dapat disampaikan dengan jelas kepada pembaca. | 180 | 27.7 |
| | Mengehadkan penggunaan slanga hanya dalam hantaran yang bersifat santai atau tidak formal di X. | 150 | 23.1 |
| | Memastikan penggunaan slanga dalam hantaran di X tidak berlebihan untuk mengekalkan kejelasan dan kesopanan bahasa. | 130 | 20 |
| | Menggalakkan penggunaan bahasa Melayu standard oleh selebriti dan pengengaruh media sosial. | 120 | 18.5 |
| | Menekankan peranan ibu bapa dan keluarga dalam usaha memupuk penggunaan bahasa yang betul sejak kecil. | 70 | 10.8 |

Berdasarkan dapatan kajian, sebanyak 180 (27.7%) orang responden bersetuju bahawa slanga yang digunakan dalam hantaran di X haruslah mudah difahami bagi memastikan mesej dapat disampaikan dengan jelas. Dari sudut pragmatik, keadaan ini menunjukkan bahawa pengguna lebih cenderung memahami slanga yang mempunyai inferens langsung atau sudah lama diterima dalam masyarakat. Sebagai contoh, perkataan seperti *lepak* (bersantai atau berkumpul), “OTW” (dari *on the way*, iaitu sedang dalam perjalanan), “jap” (sekejap), dan “k” (okay) merupakan antara slanga yang mudah difahami kerana telah lama digunakan dalam komunikasi harian. Dalam konteks Teori Relevans, slanga yang mudah difahami mengurangkan usaha pemprosesan kerana bahasa ini sudah menjadi sebahagian daripada kosa kata harian pengguna. Oleh sebab itu, apabila mahasiswa membaca perkataan OTW, mereka dapat mengakses makna yang berkaitan tanpa perlu berfikir panjang, sekali gus menjadikan komunikasi lebih efisien.

Sebaliknya, 150 (23.1%) orang responden berpandangan bahawa slanga seharusnya dihadkan kepada konteks yang lebih santai atau tidak formal. Keadaan ini menunjukkan bahawa terdapat kesedaran tentang ketidakesesuaian penggunaan slanga dalam situasi yang lebih rasmi atau akademik, bahasa Melayu standard lebih diutamakan untuk mengekalkan kesopanan dan kejelasan komunikasi. Selain itu, 130 (20%) orang responden menyatakan bahawa penggunaan slanga secara berlebihan boleh mengaburkan maksud mesej dan menjejaskan kefahaman. Keadaan ini mempunyai kaitan dengan konsep pemprosesan inferens dalam pragmatik, iaitu pembaca perlu berusaha lebih untuk memahami makna sebenar sesuatu slanga jika bahasa slanga tersebut tidak digunakan dalam konteks yang jelas. Sebagai contoh, kata “pecah” dalam ayat “Weh, aku dah pecah tengok benda ni!” membawa maksud ketawa dengan kuat atau terhibur, tetapi tanpa konteks yang jelas, perkataan boleh ditafsirkan secara literal sebagai sesuatu yang rosak atau pecah. Begitu juga dengan ayat “Tolong la weh, jangan bakar

line!” Frasa “bakar line” bermaksud mengapi-apikan sesuatu situasi, tetapi tanpa pemahaman konteks budaya, makna frasa tersebut mungkin sukar difahami. Dari sudut pragmatik, interpretasi makna dalam komunikasi digital bergantung pada inferens dan relevans konteks. Apabila slanga digunakan dalam komuniti yang biasa dengannya, slanga dapat meningkatkan pemahaman tanpa perlu penjelasan yang banyak. Sebaliknya, jika digunakan dalam kalangan komuniti yang kurang biasa dengan slanga tertentu, usaha pemprosesan akan meningkat, seterusnya menimbulkan kekeliruan.

Selain itu, sebanyak 120 (18.5%) orang responden bersetuju bahawa pengengaruh media sosial perlu memainkan peranan dalam usaha menggalakkan penggunaan bahasa Melayu standard dalam hantaran mereka di media sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana pengengaruh mempunyai kuasa untuk membentuk norma linguistik dalam komunikasi digital. Kajian Karen *et al.* (2011) menunjukkan bahawa pengengaruh dengan ribuan atau jutaan pengikut mampu mempengaruhi gaya bahasa dan penggunaan istilah tertentu. Sebagai contoh, jika seseorang pengengaruh terkenal sering menggunakan bahasa Melayu standard dalam kandungan media sosial mereka, pengikut mereka lebih cenderung untuk meniru gaya tersebut. Dari perspektif pragmatik, keadaan ini mempunyai kaitan dengan konsep penyesuaian bahasa (*linguistic accommodation*), iaitu seseorang individu menyesuaikan gaya bahasa mereka mengikut norma sosial kumpulan tertentu.

Di samping itu, sebanyak 70 (10.8%) orang responden menyatakan bahawa ibu bapa dan keluarga memainkan peranan penting dalam usaha memastikan anak-anak memahami penggunaan bahasa yang tepat sejak kecil. Dari sudut pragmatik, keadaan ini boleh dikaitkan dengan hipotesis kesantunan linguistik oleh Brown dan Levinson (1987), yang menyatakan bahawa pemahaman tentang kesopanan dan penggunaan bahasa yang sesuai dipelajari melalui interaksi sosial sejak usia muda. Sebagai contoh, seorang kanak-kanak yang terbiasa mendengar

dan menggunakan slanga seperti “bro”, “sis”, dan “gais” dalam komunikasi harian mungkin akan mengalami kesukaran dalam usaha menyesuaikan diri dengan bahasa rasmi ketika menulis atau bercakap dalam situasi akademik atau profesional. Fenomena ini juga mempunyai kaitan dengan hipotesis penyebaran linguistik, iaitu penggunaan slanga dalam persekitaran sosial tertentu boleh memberikan kesan kepada perkembangan bahasa individu. Situasi ini boleh dikaitkan dengan fenomena “*Skibidi Toilet Syndrome*”, iaitu kanak-kanak yang terdedah kepada kandungan media yang menggunakan bahasa rekaan cenderung mengadaptasi gaya bahasa tersebut dalam kehidupan harian. Situasi ini menunjukkan bahawa pendedahan bahasa tidak standard boleh memberikan kesan kepada kefahaman dan penerimaan bahasa rasmi dalam komunikasi digital.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan slanga dalam komunikasi digital mempunyai implikasi pragmatik yang signifikan terhadap kefahaman dan penerimaan bahasa Melayu. Dari perspektif Teori Relevans, slanga boleh meningkatkan kecekapan komunikasi dengan mengurangkan usaha pemprosesan sekiranya slanga sudah menjadi sebahagian daripada pemahaman linguistik pengguna. Namun begitu, slanga yang digunakan secara berlebihan atau dalam konteks yang tidak sesuai boleh meningkatkan usaha pemprosesan dan menimbulkan kekeliruan dalam komunikasi. Selain itu, faktor seperti peranan media sosial dan pengengaruh, pengaruh keluarga dan pendidikan, serta norma kesopanan linguistik turut memainkan peranan dalam usaha membentuk kefahaman dan penerimaan bahasa Melayu dalam komunikasi digital. Kajian ini mencadangkan bahawa penggunaan slanga perlu dikawal agar tidak menjejaskan kejelasan, kesopanan, dan keindahan bahasa Melayu dalam interaksi sosial walaupun slanga merupakan sebahagian daripada evolusi bahasa. Dengan penggunaan yang seimbang, slanga boleh digunakan sebagai alat komunikasi yang relevan dan efektif tanpa menjejaskan kedudukan bahasa Melayu sebagai medium komunikasi utama dalam masyarakat.

Kesimpulan

Kajian ini telah mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu mengenal pasti pandangan mahasiswa UTeM tentang penggunaan slanga dalam hantaran di X, menganalisis impak slanga tentang kefahaman dan penerimaan bahasa Melayu, serta mengkaji cara mahasiswa menangani kesan penggunaan slanga. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden (89.2%) pernah menggunakan slanga dalam hantaran mereka, dan hampir separuh (47.7%) daripada mereka mengakui bahawa penggunaan slanga menjadikan komunikasi lebih santai dan mesra. Penemuan ini selari dengan prinsip Teori Relevans yang menekankan bahawa bahasa digunakan untuk mencapai komunikasi yang paling berkesan dengan usaha pemrosesan yang minimum. Dalam konteks ini, slanga berfungsi sebagai bentuk ekspresi yang meningkatkan keakraban dalam interaksi sosial, terutamanya dalam komuniti digital yang mengutamakan kelajuan dan kejelasan dalam komunikasi. Kajian terkini seperti Okafor-Emeagha *et al.* (2025) turut menegaskan bahawa pemilihan bahasa tidak formal dalam platform digital mencerminkan adaptasi linguistik generasi muda terhadap konteks teknologi dan budaya global. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai keterbatasan dari aspek instrumen, khususnya penggunaan item berbentuk nominal seperti jawapan "Ya/Tidak" dalam beberapa bahagian soal selidik. Bentuk data ini menghadkan keupayaan penyelidik untuk menjalankan analisis yang lebih mendalam seperti korelasi, regresi atau pengujian hubungan sebab-akibat antara pemboleh ubah. Oleh sebab itu, kajian masa hadapan disarankan untuk menggunakan skala Likert atau instrumen berasaskan konstruk psikometrik supaya data yang diperoleh lebih bersifat kuantitatif-inferens dan membolehkan analisis statistik lanjutan dijalankan. Di samping itu, penggabungan kaedah kualitatif seperti temu bual mendalam atau analisis wacana juga boleh memberikan pemahaman yang lebih kaya tentang niat, identiti, dan konteks sosial di sebalik penggunaan slanga dalam komunikasi digital.

Namun begitu, kajian ini juga mendapati bahawa penggunaan slanga mempunyai keterbatasan, termasuk risiko kesalahan bahasa dalam penulisan formal dan kemungkinan kewujudan salah faham dalam kalangan pembaca. Dari sudut pragmatik, situasi ini mempunyai kaitan dengan keperluan untuk menyesuaikan gaya bahasa mengikut konteks komunikasi. Seramai 27.7% responden bersetuju bahawa penggunaan slanga harus mudah difahami bagi memastikan mesej dapat disampaikan dengan jelas, sementara 23.1% responden bersetuju bahawa slanga sepatutnya digunakan dalam konteks yang santai atau tidak formal. Keadaan ini menunjukkan bahawa penggunaan slanga tetap perlu dikawal walaupun diterima sebagai sebahagian daripada komunikasi harian agar tidak menjejaskan kejelasan makna atau kredibiliti individu dalam situasi yang lebih rasmi.

Dari segi cadangan kepada pengkaji akan datang, kajian ini mencadangkan penyelidikan lanjutan dilakukan untuk menilai cara penggunaan slanga mempengaruhi tahap pemahaman bahasa Melayu dalam konteks akademik dan profesional. Selain itu, kajian komparatif antara penggunaan slanga dalam media sosial dengan komunikasi lisan boleh memberikan perspektif yang lebih mendalam tentang evolusi bahasa dalam kalangan generasi muda. Penggunaan pendekatan analisis linguistik korpus juga boleh diteroka untuk mengkaji pola penggunaan slanga dalam jangka masa panjang serta impak terhadap perkembangan bahasa Melayu. Akhir sekali, kajian yang lebih holistik mengenai peranan institusi pendidikan dan media sosial dalam usaha membentuk norma penggunaan bahasa boleh membantu dalam usaha merangka strategi yang lebih berkesan untuk menyeimbangkan penggunaan slanga dengan pemeliharaan bahasa Melayu standard.

Secara keseluruhan, kajian ini bukan sahaja membuktikan bahawa slanga berfungsi sebagai medium ekspresi dan keakraban dalam komunikasi digital generasi muda, tetapi juga menimbulkan cabaran terhadap kejelasan

bahasa, etika berbahasa, dan kelestarian bahasa Melayu standard. Sehubungan dengan itu, beberapa tindakan strategik dicadangkan, termasuk usaha Kementerian Pengajian Tinggi dan institusi pendidikan untuk memperkenalkan modul literasi bahasa digital yang membezakan penggunaan bahasa formal dan tidak formal, manakala Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) boleh memperkukuh polisi bahasa melalui kerjasama dengan mempengaruhi media sosial bagi mempromosikan penggunaan bahasa Melayu yang kreatif tetapi tetap beretika. Selain itu, pendidik dan universiti disarankan untuk membimbing pelajar agar celik konteks linguistik, manakala pengguna media sosial perlu mengamalkan tanggungjawab bahasa dalam setiap hantaran. Dengan pelaksanaan cadangan ini, penggunaan slanga dapat diurus secara lebih seimbang, sekali gus meraikan kreativiti tanpa mengorbankan martabat dan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan perpaduan.

Penghargaan

Para penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lee Ming Heng (B032410873), Saiful Anwar Abdullah (B032410435), dan Shahvanisri A/P Rajendran (B032410877) dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), 76100, Durian Tunggal, Melaka, Malaysia, atas sumbangan mereka dalam membantu proses pengumpulan data dan penyelidikan berkaitan kajian ini.

Kenyataan Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa kajian ini dijalankan tanpa sebarang kepentingan peribadi, konflik komersial, atau kewangan serta mengesahkan ketiadaan sebarang konflik kepentingan dengan pihak pembiaya atau mana-mana pihak yang berkaitan.

Rujukan

Abdullah, N. A., & Daud, M. Z. (2020). Pemaknaan semula sinonim leksikal “nepotisme” berteraskan data korpus:

- Analisis pragmatik. *LSP International Journal*, 7(1), 1–15.
- Ardi, N., Mohamad, M., Rashidin, R., & Jantan, Z. (2011). *Asas dan kemahiran menterjemah*. August Publishing.
- Arshad, M. A. (2000). Bahasa slanga: Pembentukan dan ciri-cirinya. Dalam *Monograf bahasa sastera, dan budaya Melayu*. Universiti Putra Malaysia.
- Asmah, H. O. (2015). *Perancangan bahasa dengan rujukan khas kepada bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahar, A. A., Fauzi, U. A., Al Anwar, S. F., Istama, N. R., Maulana, A. H., & Nargis, N. (2025). Youth slang as a reflection of social identity in teenage communities. *Variable Research Journal*, 2(1), 186–194.
- Brown, P., & Levinson, S. C. (1987). *Politeness: Some universals in language usage*. Cambridge University Press.
- Bryman, A. (2016). *Social research methods* (5th ed.). Oxford University Press.
- Chomsky, N. (2007). *Minimalist program*. MIT Press.
- Crystal, D. (2011). *Internet linguistics: A student guide*. Routledge.
- Daud, M. Z. (2017). *Slanga kedai kopi: Satu analisis semantik inkuisitif* [Unpublished final year project]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Daud, M. Z. (2018a). Imej tumbuhan dalam slanga: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 3(1), 1–21.
- Daud, M. Z. (2018b). Pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif melalui slanga. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 43–52.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019). Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 30(1), 108–136.

- Daud, M. Z., Yasir, M. F. A., Emran, A. D., Nordin, A. H., Halim, M. Z. I. A., Jasni, N. H., Ismail, E., Mohamed, S., Ali, N. F., Sultan, A. A. M., & Subet, M. F. (2024). Mahasiswa, slanga, pembentangan kumpulan berbahasa Melayu dan pragmatik (Teori Relevans). *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(2), 1–14.
- Etikan, I., Musa, S. A., & Alkassim, R. S. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, 5(1), 1–4. <https://doi.org/10.11648/j.ajtas.20160501.11>
- Fazal, M. M., & Muhammad, S. A. (2022). Slanga dalam media sosial: Satu pendekatan minimalis. *Journal of Social Science and Humanities*, 19(3), 151–161. <https://journalarticle.ukm.my/20351/1/54927-180704-1-SM.pdf>
- Grice, H. P. (1975). *Logic and conversations*. University of California.
- Harun, N., & Jamilah, N. (2017, November). *Pendapatan social media influencers (SMIs) dalam kalangan generasi Z* [Paper presentation]. 4th International Conference on Management and Muamalah, location unidentified.
- Inami, Y. (2025). *On the usage of Japanese slang nau* (Master’s thesis, The Ohio State University).
- Karim, N. S., Onn, F. M., Musa, H., & Mahmood, A. H. (2015). *Tatabahasa dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kecskes, I. (2014). *Intercultural pragmatics*. Oxford University Press.
- Nopiah, J., & Lawi, N. (2023). Bahasa slanga dalam kalangan masyarakat di media sosial: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 27(2), 43–59.
- Nwambam, M., Ngene, A. H., & Gana, H. (2023). Rethinking the social relevance of mass communication in the era of digital communication. *BOHR International Journal of Social Science and Humanities Research*, 2(1), 53–61.
- Okafor-Emeagha, I. M., Ramoo, V., Ling, L. W., Marret, M. J., & Piaw, C. Y. (2025). Cross cultural adaptation and psychometric properties of the Malay version of the compulsive internet use scale. *Computers in Human Behavior Reports*, 19, Article 100744.
- Paijin, N. F., Ja’afar, N., & Mohd Rusli, N. F. (2022). Penggunaan bahasa slanga dalam akaun Twitter “Brgsjks”. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(3), 1–13.
- Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual: A step-by-step guide to data analysis using IBM SPSS* (7th ed.). McGraw-Hill Education.
- Radzi, H., et al. (2018). Tahap pemahaman leksikal kata kerja dialek Melayu Kedah di Pulau Tuba dan Satun. *Jurnal Melayu*, 17(1), 74–93.
- Ritos, S., & Daud, M. Z. (2020). Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis pragmatik. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 64–83.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Harvard University Press.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2016). “Giler” atau “gile”: Slanga kata penguat. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 293–306.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2017, Ogos). *Semantik dan makna konotasi dalam slanga pelacur* [Pembentangan kertas kerja]. The International Conference on Language Studies (iCLS) 2017, Kuching, Sarawak.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019). Makna denotatif dan konotatif dalam slanga pelacur. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 29–43.
- Suhaimi, M. S., & Shamsull, F. S. (2022). Perubahan penggolongan leksikal slanga dalam kalangan pempengaruh media sosial: Analisis medan makna. *Jurnal Melayu*,

- 21(2), 51–69. <https://journalarticle.ukm.my/20518/1/59262-196095-1-SM.pdf>
- Sulaiman, Z. M. (2016). Slanga mengupayakan kreativiti berbahasa remaja Melayu dan Cina (Bahagian 1). *Dewan Bahasa*, 16(3), 22–25.
- Suradi, N., & Daud, M. Z. (2024). Gen Z and language dynamics: Lexical choice of English among Malay students at Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) based on pragmatic analysis. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 16(2), 100–111.
- Tagliamonte, S. (2016). *Teen talk: The language of adolescents*. Cambridge University Press.
- Yang, S. (2017). Networking South Korea: Internet, nation, and new subjects. *Media, Culture & Society*, 39(5), 740–749.
- Zulkifli, M., & Ibrahim, I. M. (2020). Slangs on social media: Variations among Malay language users on Twitter. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 28(1), 215–230.
- Zulkifli, M., & Ibrahim, I. M. (2023). Penggunaan bahasa slanga di media sosial dalam kalangan pencipta kandungan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA) ke-2*, 201–210.